

Headline	Pulihara hutan palma		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,286
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,858



Pulihara hutan palma

Saintis tersohor FRIM kongsi pengalaman dalam program pemuliharaan hutan di Malaysia

MEREKA yang berminat dan terlibat secara khusus dalam program pemuliharaan hutan seharusnya tidak melepaskan peluang menambah ilmu dengan menghadiri ceramah saintis tersohor Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) hari ini. Saintis terbabit, Dr. Saw Leng Guan merupakan Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM dan Felo Akademi Sains Malaysia (ASM).

Beliau akan menceritakan mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pemuliharaan tumbuhan terancam di Malaysia serta berkongsi pengetahuannya mengenai kepelbagaian famili palma.

Unit Komunikasi Korporat FRIM dalam satu kenyataan memberitahu, selepas ceramah tersebut, beliau juga akan mengetuai lawatan berpandu ke Denai Razak di Taman Botani Kepong bagi memperkenalkan spesies-spesies palma yang ditanam di situ.

“Ceramah ini adalah yang pertama dalam satu siri syarahan umum oleh saintis FRIM yang akan diadakan bagi meningkatkan

kesedaran awam terhadap kepentingan usaha pemuliharaan hutan melalui perkongsian ilmu pengetahuan, pengalaman serta penemuan saintifik,” demikian menurut kenyataan itu.

Ini juga merupakan Ceramah Felo ASM yang pertama disampaikan oleh Leng Guan.

Dilahirkan di Taiping, Perak, Leng Guan merupakan seorang ahli botani yang mempunyai pengalaman 32 tahun dalam bidang taksonomi, ekologi tumbuhan dan pemuliharaan flora di Malaysia.

Beliau adalah pakar dalam penyelidikan palma yang telah menjalankan kajian ekologi dan taksonomi pelbagai spesies palma di Malaysia.

Beliau telah menerbitkan 130

kertas kerja dalam jurnal, artikel dan bab-bab dalam buku; serta menamakan 53 spesies dan empat jenis tumbuhan baharu.

Sebagai penghormatan kepada beliau, empat spesies tumbuhan telah dinamakan sempena nama beliau, iaitu *Begonia lengguanii*, *Schizostachyum lengguanii*, *Thrixspermum lengguanianum* dan

Orchidantha lengguanii.

Leng Guan juga telah banyak menyumbang kepada usaha dokumentasi dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan Malaysia.

Beliau terlibat secara aktif dalam tiga projek flora moden yang dilaksanakan di FRIM iaitu projek *Tree Flora of Malaya*, *Tree Flora of Sabah and Sarawak* dan *Flora of Peninsular Malaysia*.

Beliau berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa kebangsaan dan antarabangsa bagi *Convention on Biological Diversity* (CBD) dan *Intergovernmental Science Platform on Biodiversity and Ecosystem Services* (IPBES) serta panel penasihat Sistem Pengurusan Penyelidikan Botani dan Herbarium (BRAHMS).

Leng Guan juga merupakan ahli lembaga *International Flora Malesiana Foundation*, dan ahli lembaga pengarang bagi *Kew Bulletin* (mulai Januari 2007); *Journal of Tropical Ecology* (mulai April 2007); *Pertanika Journal of Tropical Agriculture Science* (mulai Februari 2009) dan *Blumea* (mulai Jun 2010).

Semangat, dedikasi dan komitmen beliau telah menyumbang kepada pengiktirafan FRIM sebagai pusat penyelidikan cemerlang dalam bidang botani.

Fakta

→ **Ceramah: Palma Malaysia, Satria Alam Tumbuhan.**

→ **Anjuran FRIM dan dan Akademi Sains Malaysia**

→ **Tarikh: 18 Ogos 2014**

→ **Lokasi: FRIM, Kepong.**

→ **Untuk maklumat lanjut mengenai ceramah tersebut, hubungi Nur Farhana (03-62797674 / nurfarhana@frim.gov.my) atau Siti Baizurah (03-62797219 / sitibaizura@frim.gov.my).**



DR. SAW LENG GUAN